

**TEKS UCAPAN
YANG BERUSAHA PROF. DR. AHMAD TAUFEEK
ABDUL RAHMAN
REKTOR UiTM CAWANGAN SELANGOR**

**SEMPENA
PROGRAM KULIAH MAGHRIB KHAS &
MUNAJAT PEPERIKSAAN AKHIR**

**16 JANUARI 2025 | KHAMIS | 8.00 MALAM
SURAU IBNU SINA
UiTM CAWANGAN SELANGOR
KAMPUS PUNCAK ALAM**

Terima kasih Pengacara Majlis

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

**ALHAMDULILLAH RABBI ALAMIN
WASOLATU WASALAMU ALA ASYRAFIL
ANBIYAI WAL MURSALIN WA ALA ALIHI
WASOHBIHI AJMAIN**

YBrs. Profesor Madya Ts. Dr. Mohd Nor Mamat
Selaku Penceramah Jemputan

YBrs. Profesor Madya Dr. Norazmir Md Nor
Timbalan Rektor Hal Ehwal Pelajar

Al-Fadhil Ustaz Haji Lufti Fauzi Haji Sabari
Ketua Unit Hal Ehwal Islam

Saudara Muhammad Iman Zulkifli
YDP MPP Sesi 2024/2025

Para pelajar yang dikasihi, warga UiTM Cawangan Selangor, tuan-tuan dan puan-puan serta hadirin sekalian.

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera, Salam Malaysia Madani dan
Salam UiTM di Hatiku.**

1. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah dan izin-Nya diberi kesempatan untuk kita berkumpul pada malam yang berbahagia ini bagi menjayakan **Program Kuliah Maghrib Khas & Munajat Peperiksaan Akhir.**
2. Selawat dan salam kepada junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W. Penghulu segala Rasul, pembawa rahmat sekalian alam.

3. Terlebih dahulu, setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada Unit Hal Ehwal Islam (UHEI) atas penganjuran program pada malam ini dengan kerjasama Persatuan-persatuan Dalaman dan Jawatankuasa-jawatankuasa Perwakilan Kolej.

Mahasiswa mahasiswi yang saya kasihi,

4. Kita sudah pun menghampiri penghujung semester pengkuliahahan dan anda semua bakal menduduki peperiksaan akhir tidak lama lagi.
5. Saya yakin pelbagai rasa dan emosi menggulit perasaan waktu ini, namun segalanya kita perlu hadapi dengan jiwa yang tenang.
6. Saya percaya, segala usaha telah anda lakukan sedari awal semester lagi dan pastikan ianya sentiasa berterusan sehingga ke akhirnya.

7. Belajar tanpa henti adalah makna belajar yang sebenarnya. Tanpa ada tapi, tanpa ada nanti. Sebuah proses pendidikan adalah proses sampai mati.
8. Ujian itu fitrah kehidupan. Sebagaimana Allah menguji kita setiap hari untuk menilai di mana tahap keimanan kita, begitu juga diibaratkan peperiksaan akhir ini adalah untuk menilai di mana duduk fahamnya kita terhadap ilmu yang telah dipelajari selama ini.
9. Oleh itu, saya menyeru mahasiswa mahasiswi sekalian agar tidak terlalu tertekan dalam mendepani peperiksaan sehingga memudaratkan kesihatan, emosi, fizikal dan mental.
10. Anggaplah ianya suatu perjalanan dalam menjadikan diri insan yang cemerlang.

Hadirin sekalian,

11. Suka saya ingatkan pada diri dan juga saudara saudari sekalian, dalam perjalanan menuntut ilmu ini, pentingnya keredhaan ibu dan bapa seperti mana pentingnya juga redha guru yang memberikan ilmu.
12. Sentiasalah pohon doa dari mereka agar perjalanan kita semua diberkati Yang Maha Esa.
13. Di samping pohon doa restu, jangan sesekali abaikan usaha kita semua. Doa tanpa usaha adalah sia-sia.
14. Namun, usaha tanpa doa adalah sifat sombong kita pada Yang Esa. Kejayaan dalam peperiksaan bukanlah tentang siapa yang paling bijak, tetapi siapa yang paling berusaha.

15. Sewajarnya sebagai mahasiswa dan mahasiswi yang beragama Islam, saya nasihatkan anda di saat-saat akhir ini, bersihkan diri dan hati, kembali dekat pada Allah.
16. Kita harus yakin tugas kita adalah sentiasa berusaha dan serahkan tugas memberi hasilnya kepada Allah.
17. Apa jua hasil yang diberi, itulah yang terbaik buat kita sesuai dengan kemampuan dan usaha yang dilakukan.
18. Oleh yang demikian, teruslah kekal bersemangat memegang amanah dan tanggungjawab dalam menuntut ilmu, kerana setiap cabaran yang dihadapi merupakan proses yang akan mematangkan anda untuk melangkah lebih jauh.

19. Percayalah, anda adalah harapan ibu bapa dan para pendidik, generasi yang akan memartabatkan agama, bangsa dan negara di mata dunia.

20. Pesan Luqman Al-Hakim *“Tuntutlah ilmu. Di saat kamu miskin, ia akan menjadi hartamu. Di saat kamu kaya, ia akan menjadi perhiasanmu.”*

Hadirin sekalian,

21. Sekali lagi jutaan tahniah diucapkan kepada Unit Hal Ehwal Islam diatas penganjuran program ini.

22. Akhir kata, saya turut mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada rakan strategik UHEI atas kerjasama penganjuran program ini.

23. Terima kasih kepada semua yang terlibat -
Semoga segala usaha dan pengorbanan yang
dilakukan diganjar dengan sebaik-baik ganjaran
di sisi Allah SWT.

Bersama rakan ke gua bertapa,
Bertapa menambah ilmu di dada,
Ulang kaji bersulam doa,
Moga hasil diberkati oleh-Nya.

24. Dengan lafaz suci Bismillahirrahmanirrahim,
saya dengan sukacitanya merasmikan **Program
Kuliah Maghrib Khas & Munajat Peperiksaan
Akhir.**

**Sekian, Wabillahi taufiq wal hidayah
Wassalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh.**